

16 APR 2001

Mahathir-Profesionalisme

PROFESIONALISME KAKITANGAN AWAM BANTU BANGUNKAN NEGARA, KATA DR M

SHAH ALAM, 16 April (Bernama) -- Sikap profesional pentadbir awam, polis dan tentera membantu kerajaan mentadbir negara dengan baik dan lancar, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, walaupun peranan setiap daripada pentadbir ini berbeza, ketika menjalankan tugas mereka harus mendukung prinsip profesionalisme dengan menerima dan mematuhi dasar dan arahan yang diputuskan oleh kerajaan yang memerintah.

"Walaupun peranan setiap daripada mereka berbeza, dalam menjalankan tugas, mereka tidak mempunyai pilihan selain mengikut arahan yang ditetapkan oleh kerajaan yang dipilih oleh rakyat," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika merasmikan persidangan Pesuruhjaya Polis, Ketua Polis, Komander dan Komandan yang berlangsung di sebuah hotel di sini, hari ini.

Antara yang hadir ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Menteri Dalam Negeri, Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai serta Ketua-ketua Polis Negeri dan pegawai-pegawai kanan polis yang lain.

Menurut Perdana Menteri lagi, polis tetap perlu bertindak secara profesional walaupun mungkin ada antara mereka yang mempunyai pandangan politik yang berbeza.

"Kita kena pupuk profesionalisme dalam Polis Diraja Malaysia (PDRM), badan yang bertanggungjawab menjaga keamanan dan kestabilan negara," dan menambah kata selagi polis mengamalkan pengurusan yang cekap dan profesional, negara akan terus aman dan boleh dibangunkan dengan lebih pesat lagi.

Dr Mahathir juga menyeru anggota polis meningkatkan lagi pengetahuan dan tahap pendidikan mereka bagi menangani jenayah-jenayah jenis baru pada alaf baru ini.

"Kita tidak boleh lagi bergantung kepada anggota polis yang punyai kelulusan akademik yang rendah," katanya.

Polis, katanya perlu menambah bilangan anggota dengan kelulusan lebih baik walaupun pada pangkat terendah.

Anggota polis juga digalakkan mempunyai kelulusan doktor falsafah contohnya dalam bidang-bidang spesifik seperti sains forensik, perniagaan, teknologi maklumat dan guaman.

-- BERNAMA

RIZ PR